

**INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)****KENYATAAN TAWARAN TENDER T03/05/2025**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia **dalam kod bidang / pecahan pengkhususan berkaitan yang masih berkuatkuasa** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH PERALATAN PENYIARAN BAGI KEGUNAAN MINI STUDIO TVIKIM DI INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

NO. TENDER & TARIKH PELAWAAN	SYARAT PENDAFTARAN	KOD BIDANG / PECAHAN PENGKHUSUSAN	TAKLIMAT WAJIB	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN (soft copy)	TARIKH TUTUP & SERAHAN DOKUMEN
T 03/05/2025 27 MEI 2025 (SELASA)	Taraf Bumiputra Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia	140502 (Peralatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik) 210202 (ICT – Sistem Perhubungan / Telekomunikasi) Dan 210201 (ICT – Alat Perhubungan)	5 JUN 2025 (KHAMIS), JAM 10.00 PAGI BILIK PERSIDANGAN BLOK D, IKIM	6 JUN 2025 (JUMAAT) Hingga 25 JUN 2025 (RABU) RM100.00 ISNIN – JUMAAT 8.00 PAGI – 4.00 PETANG	25 JUN 2025 (RABU) (SEBELUM 12.00 TGH HARI)

2. Kontraktor-kontraktor hendaklah mengemukakan **Sijil-sijil Asal** berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.
- i) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA (**JIKA BERKAITAN**).
 - ii) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT

Satu salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan IKIM semasa membeli dokumen Tender. IKIM berhak menolak permohonan yang pada tanggapan IKIM tidak layak.

3. Bayaran dokumen Tender boleh dibuat secara Tunai / *Direct bank in* / Wang Pos / Bank Draf atas nama **INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) syarikat hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen dan mengemukakan satu (1) tawaran sahaja.
4. Dokumen Tender akan diserahkan setelah bayaran dibuat. Dokumen Tender tidak akan dijual selepas tempoh yang dinyatakan dalam jadual di atas.

5. Kontraktor yang berminat **diwajibkan menghadiri taklimat kerja** seperti butiran di atas dengan membawa bersama dokumen pra kelayakan. Wakil syarikat **diwajibkan membawa bersama surat perwakilan dan cop rasmi syarikat**. Tawaran dianggap sebagai tidak sah dan tidak diperakui sekiranya kontraktor **tidak menghadiri** taklimat kerja.
6. Sila sertakan **salinan Sijil SSM, Pendaftaran Syarikat, Penyata Bank (3 bulan terkini) yang disahkan oleh pihak bank dan Penyata Kewangan yang beraudit (jika berkenaan) dan salinan surat pendaftaran Kastam (SST)** jika berkaitan.
7. Semua kos berkaitan dengan tawaran tender dan perkhidmatan ini adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.
8. IKIM tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. IKIM berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tender tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Dokumen Tender yang telah lengkap (**sila buat dalam dua (2) salinan**) diisi beserta dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan ditulis pada bahagian atas penjurong kiri "**Dokumen Tender: T03/05/2025**" dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Kaunter Khidmat Pelanggan, Blok A Bawah, Institut Kefahaman Islam Malaysia sebelum atau pada jam 12.00 Tengahari pada 25.6.2025 (Rabu)** dan dialamatkan seperti di bawah:-

**INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
NO. 2, LANGGAK TUNKU OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM,
50480, KUALA LUMPUR
TEL: 03-6204 6200 FAX: 03-6201 4189**

Dokumen Tender yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.